Penarafan ini membuatkan model-model kereta Proton adalah setaraf dengan model-model yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar terkemuka seperti BMW, Volvo, Toyota dan Honda.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai tempoh menunggu bagi model-model kereta Proton, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh menunggu setelah tempahan bagi model-model seperti Saga, Iriz, Persona, Suprima S dan Exora adalah sekitar satu bulan, manakala bagi Preve sekitar satu hingga satu setengah bulan sahaja. Walau bagaimanapun tempoh menunggu ini juga bergantung kepada status kelulusan pinjaman pelanggan.